

# Malaysia Pasca 2025

## Masyarakat yang Progresif dan Mampan

---

<b>Pendahuluan</b>	<b>B-2</b>
<b>Perkara Utama yang Menjadi Perhatian Rakyat</b>	<b>B-3</b>
<b>Peralihan ke arah Malaysia yang Lebih Baik</b>	<b>B-5</b>
Masyarakat yang Saksama	B-8
Pertumbuhan Ekonomi yang Inklusif	B-10
Bumi yang Lebih Sihat	B-12
Tadbir Urus yang Baik	B-13
<b>Kesimpulan</b>	<b>B-14</b>


# Pendahuluan

Kita hidup dalam dunia yang kompleks, pantas berubah dan diselubungi dengan ketidakpastian. Dalam situasi di luar jangkaan ini, Malaysia kini berada di persimpangan yang kritikal. Kita boleh memilih untuk kekal selesa dengan kedudukan sosioekonomi semasa atau berusaha bersungguh-sungguh untuk bersama membangunkan Malaysia yang lebih baik dengan merealisasikan wadah '**Ekonomi MADANI: Memperkasa Rakyat**'. Setiap dari kita perlu mengorak langkah dan tindakan berani untuk menjadi masyarakat yang progresif dan mampan berasaskan keunikan budaya dan nilai serta semangat patriotisme dan kebersamaan bagi mengangkat darjat dan martabat negara.

Sejak enam dekad yang lalu, Malaysia telah melalui pelbagai transformasi dalam mencapai pertumbuhan ekonomi dan kemakmuran. Ekonomi negara yang berasaskan pertanian sebelum ini telah beralih kepada yang lebih berasaskan pembuatan dan perkhidmatan. Mutakhir, pendigitalan dan teknologi termaju serta kelestarian alam sekitar telah mempengaruhi setiap ruang kehidupan kita. Berikutan peningkatan jangka hayat serta penurunan kadar kesuburan rakyat, Malaysia akan mengalami perubahan besar dalam demografi yang akan memberi kesan ketara ke atas tingkah laku dan peranan isi rumah dan institusi. Perubahan iklim dan urbanisasi yang pesat akan menggesa kita untuk mengubah gaya hidup dan interaksi kita dengan persekitaran. Paling utama, kita akan menempuh cabaran yang lebih besar pada masa hadapan dalam usaha membentuk generasi baharu yang bersedia menghadapi ketidakpastian yang mendatang.

Bab ini disediakan berdasarkan nilai teras yang telah digariskan dalam membangunkan Malaysia MADANI. Bab ini membawa suara rakyat mengenai perkara utama yang menjadi perhatian. Selain itu, aspirasi daripada pelbagai lapisan masyarakat turut diketengahkan demi kebaikan rakyat dan negara pada tahun-tahun mendatang.

## Perkara Utama yang Menjadi Perhatian Rakyat




### Perubahan Demografi dan Urbanisasi

Jumlah penduduk Malaysia adalah seramai 32.7 juta orang pada tahun 2022 dan dijangka meningkat kepada 36.9 juta pada tahun 2030. Bayi yang dilahirkan pada tahun 2022 dijangka hidup sehingga tahun 2095 dengan anggaran jangka hayat 73.4 tahun. Kadar kesuburan jumlah (TFR) merosot dengan ketara, daripada 4.9 anak bagi setiap wanita umur reproduktif pada tahun 1970 kepada 1.6<sup>1</sup> anak pada tahun 2022. Trend ini menyumbang kepada peningkatan peratusan rakyat Malaysia yang berumur melebihi 65 tahun, iaitu daripada 3.3% pada tahun 1970 kepada anggaran 7.3% pada tahun 2022. Perubahan ini mengklasifikasikan Malaysia sebagai negara menua. Sekiranya tidak ditangani dengan berkesan, pertambahan penduduk warga emas boleh meningkatkan kos penjagaan kesihatan dan kebimbangan mengenai kemiskinan pada usia emas. Kerajaan membelanjakan hampir RM900 juta setahun untuk penjagaan warga emas. Di samping itu, trend penyakit tidak berjangkit (NCD) juga menunjukkan peningkatan yang turut memberi bebanan kewangan kepada Kerajaan untuk menyediakan perkhidmatan penjagaan kesihatan. Kementerian Kesihatan Malaysia dan Pertubuhan Kesihatan Sedunia melaporkan bahawa pada tahun 2017 sahaja, sejumlah RM9.7 bilion telah dibelanjakan untuk rawatan NCD.


Selain itu, kadar urbanisasi pada tahun 2020 adalah pada tahap 75.1% dan dijangka mencapai 80% pada tahun 2030, sebahagiannya disebabkan oleh kepadatan ekonomi yang semakin meningkat dan pembangunan infrastruktur yang lebih baik di kawasan bandar. Keadaan ini meningkatkan perhatian kepada, antara lain perumahan yang mampu milik dan selesa, kos sara hidup yang wajar dan pengangkutan yang cekap.

<sup>1</sup> Data awalan



### Pendapatan

Pada tahun 2022, keluaran dalam negeri kasar (KDNK) Malaysia adalah sebanyak RM1.8 trilion dan pendapatan negara kasar (PNK) berjumlah RM1.7 trilion dengan PNK per kapita sebanyak RM52,968. Walau bagaimanapun, rakyat sering menyuarakan bahawa peningkatan taraf hidup mereka yang perlahan tidak sepadan dengan prestasi ekonomi makro yang memberangsangkan ini. Pada tahun 2030, PNK per kapita dijangka mencapai RM85,115 manakala KDNK Malaysia diunjurkan sebanyak RM3.2 trilion. Memandangkan kita semakin menghampiri status negara berpendapatan tinggi, kemakmuran ekonomi daripada pencapaian ini perlu dirasai sepenuhnya agar lebih bermakna kepada rakyat.



Nota: <sup>a</sup> Intensiti pelepasan gas rumah kaca (GHG) kepada KDNK pada tahun 2016 berdasarkan intensiti pelepasan pada tahun 2005.

<sup>b</sup> Komitmen negara melalui *Malaysia's Nationally Determined Contribution to the Paris Agreement of the United Nations Framework Convention on Climate Change* untuk mengurangkan intensiti pelepasan GHG kepada KDNK sehingga 45% pada tahun 2030 berdasarkan intensiti pelepasan pada tahun 2005.

## Perubahan Iklim

Kita tidak boleh menafikan bahawa kesan perubahan iklim telah menjadi tidak terkawal dan semakin teruk sejak kebelakangan ini. Cuaca ekstrem bukan sahaja menjejaskan kehidupan dan mata pencarian ribuan penduduk tetapi turut mengancam kesihatan bumi. Pada tahun 2022, suhu global telah meningkat dalam lingkungan 1.2°C berbanding suhu purata semasa era praperindustrian. Malaysia menyedari kepentingan tindakan iklim dan komited untuk mengurangkan sehingga 45% intensiti pelepasan gas rumah kaca (GHG) kepada KDNK pada tahun 2030 berdasarkan intensiti pelepasan pada tahun 2005. Malaysia juga bertekad untuk mencapai aspirasi pelepasan GHG bersih sifar seawal tahun 2050. Sehubungan itu, kita perlu menerima pakai amalan mampan dalam kehidupan seharian dan mengambil bahagian secara aktif dalam inisiatif global bagi meneruskan usaha untuk mengesahkan kenaikan purata suhu global kepada 1.5°C.



## Integriti dan Kepimpinan yang Berkesan

Indeks Persepsi Rasuah (CPI) Malaysia merosot daripada kedudukan ke-51 daripada 180 negara pada tahun 2019 kepada ke-61 pada tahun 2022. Penambahbaikan terhadap situasi ini akan membolehkan kedudukan Malaysia meningkat kepada 25 teratas dalam tempoh 10 tahun. Selain itu, Malaysia berada pada kedudukan ke-29 daripada 64 negara bagi subindeks Kecekapan Kerajaan dalam IMD *World Competitiveness Yearbook* pada tahun 2023. Pada tahun 2022, Malaysia berada pada kedudukan ke-53 daripada 193 negara dalam UN *E-Government Development Index* (EGDI) dan dijangka berada pada kedudukan 30 teratas pada tahun 2030. Bagi merealisasikan aspirasi untuk membentuk Malaysia ke arah yang lebih baik dengan menerapkan nilai teras MADANI, ekosistem tadbir urus perlu lebih terbuka dan telus yang diterajui oleh pemimpin transformatif, iaitu pemimpin yang sentiasa ingin melaksanakan perubahan yang positif.

## Peralihan ke arah Malaysia yang Lebih Baik

Berdasarkan semangat keterangkuman, pelbagai idea telah digarap daripada segenap lapisan masyarakat. Persepsi rakyat merangkumi aspek kemakmuran ekonomi hingga kesejahteraan sosial telah dianalisis bagi mencorak landasan masa hadapan yang lebih bermakna untuk Malaysia. Aspirasi berikut telah dirangka berdasarkan garapan idea rakyat ini serta analisis dasar Kerajaan dan kajian lain.

Aspirasi Pasca 2025 telah diklusterkan kepada empat perspektif, iaitu masyarakat yang saksama, pertumbuhan ekonomi yang inklusif, bumi yang lebih sihat dan tadbir urus yang baik ke arah mencapai masyarakat yang progresif dan mampan. Aspirasi ini adalah selaras dengan KSP RMKe-12 yang memberi tumpuan untuk menjadi negara yang mampan, sejahtera dan berpendapatan tinggi. Harapan rakyat ini juga akan menjadi asas kepada penyediaan Rancangan Malaysia Ketiga Belas. Ringkasan aspirasi untuk dasawarsa yang akan datang adalah seperti ditunjukkan dalam *Paparan B-1*.





Nilai Insaniah



## Masyarakat yang Saksama



Penuaan yang Produktif



Penjagaan Kesihatan Termaju



Kehidupan Bermaruah



Negara yang Selamat



## Bumi yang Lebih Sihat



Pembangunan Mesra Alam



Ekonomi Kitaran



Negara yang Lebih Bersih dan Hijau



Pemuliharaan Ekosistem Semula Jadi



# MALAYSIA 20

## Masyarakat yang





# Pertumbuhan Ekonomi yang Inklusif

## PASCA 25

### Progresif dan Mampan



Negara Maju



Industri High Growth High Value



Taraf Hidup yang Wajar



Gaji Progresif



Usahawan Inovatif



Kemampuan Fiskal

# Tadbir Urus yang Baik



Kerajaan yang Terbuka dan Cekap



Pemimpin Transformatif



Dasar Berpaksikan Insan

## Masyarakat yang Saksama

Kita, sebagai rakyat Malaysia, berkongsi nilai sejagat yang sama berpaksikan kepada prinsip Rukun Negara. Kekuatan kita terletak pada masyarakat yang pelbagai namun bersatu padu serta bertunjangkan nilai insaniah<sup>2</sup>. Kita juga menjalani kehidupan yang lebih selamat dan aman hasil daripada komitmen bersepadu kita semua dalam memastikan keselamatan awam. Kita menjalani kehidupan yang bermaruah dengan mendapat sepenuh akses kepada pelbagai peluang, termasuk penjagaan kesihatan dan pendidikan berkualiti tinggi serta keupayaan untuk meningkatkan taraf hidup. Pada masa yang sama, rakyat Malaysia akan meniti usia emas dengan bermaruah dan terus menyumbang kepada negara.

### Nilai Insaniah

Nilai insaniah disemai bermula di rumah sejak awal kehidupan. Keluarga sebagai unit sosial yang penting dan disokong oleh persekitaran sekeliling untuk membentuk perkembangan anak-anak secara menyeluruh ke arah menjadi individu insaniah. Di samping itu, komuniti kita menyediakan ekosistem yang kondusif untuk memupuk kesemua ciri-ciri yang diperlukan. Sistem pendidikan kita memberi penekanan kepada pembangunan yang seimbang dalam aspek sosial, emosi, mental, kerohanian, fizikal, kognitif dan intelektual. Seterusnya, kedua-dua sistem pendidikan, formal dan tidak formal, menerapkan, antara lain pembangunan kemahiran kehidupan, penyelesaian masalah dan pemikiran kritis. Di samping itu, setiap individu digalakkan dan diberi sokongan untuk membangunkan set kemahiran tersendiri yang unik melalui pendidikan dan latihan teknikal dan vokasional yang berterusan untuk memenuhi permintaan terhadap kemahiran peringkat tinggi dalam industri *high growth high value* (HGHV).

### Negara yang Selamat

Kita berasa selamat hidup dalam negara yang aman. Usaha melindungi tanah air menjadi tanggungjawab bersama bagi memastikan Malaysia kekal sebagai negara yang selamat untuk didiami. Pengurusan keselamatan sempadan yang menyeluruh melalui penggunaan teknologi termaju dapat memastikan negara dilindungi dengan baik daripada sebarang bentuk ancaman serta menegakkan kedaulatan dan undang-undang. Penambahbaikan kadar indeks jenayah menggambarkan keselamatan awam dilindungi dengan baik. Pengurangan salah laku berkaitan keselamatan siber memperkukuh keyakinan dan kepercayaan rakyat terhadap aktiviti dalam talian. Selain itu, program pemulihan yang ditambah baik mengurangkan stigma terhadap bekas banduan, seterusnya memudah cara pengintegrasian mereka kembali ke dalam masyarakat. Persepsi rasa selamat yang meningkat dalam kalangan rakyat menjadikan Malaysia dikenali sebagai negara yang selamat.

<sup>2</sup> Individu yang mempunyai nilai murni termasuk ihsan, kejujuran, perasaan rendah hati, berkelakuan baik dan boleh dipercayai.

### Kehidupan Bermaruah

Kita semua dilayan dengan rasa hormat, tanpa mengira bangsa, agama, jantina dan asal usul yang seterusnya memupuk perpaduan. Setiap orang, termasuk daripada kumpulan yang kurang bernasib baik dan rentan, mempunyai rasa kekitaan yang mendalam dan diperkasa untuk meningkatkan mobiliti sosial. Liputan perlindungan sosial yang lebih meluas melindungi kita daripada risiko sosioekonomi. Tambahan pula, kita mendapat manfaat daripada akses kepada produk dan perkhidmatan yang berkualiti tinggi serta pengalaman yang memuaskan. Kita tidak lagi perlu berkompromi mengenai kualiti dalam memenuhi keperluan dan kehendak. Pembangunan luar bandar yang dipertingkat, penjana pendapatan yang mampan dan akses yang lebih luas kepada infrastruktur asas mengurangkan jurang sosioekonomi. Jurang ketidaksamarataan yang semakin rapat menggambarkan kemakmuran dikongsi dengan lebih saksama dalam kalangan rakyat.







Sumber: SCORE Sports Management Sdn Bhd

## Penjagaan Kesihatan Termaju

Kita menikmati perkhidmatan penjagaan kesihatan terbaik yang mudah diakses dan mampu bayar. Pendigitalan dan teknik berasaskan kecerdasan buatan (AI) dimanfaatkan untuk menambah baik kecekapan perkhidmatan penjagaan kesihatan kepada rakyat. Ancaman penyakit berjangkit dan NCD berkurang dengan ketara, menjadikan rakyat lebih sihat dan produktif serta mengurangkan perbelanjaan penjagaan kesihatan. Selain itu, isu kesihatan mental ditangani dengan menyeluruh tanpa diskriminasi, prasangka atau pengabaian. Kewujudan gabungan faktor utama ini meningkatkan kualiti hidup rakyat.

## Penuaan yang Produktif

Rakyat Malaysia menikmati kesihatan yang lebih baik dan umur yang panjang. Warga emas menyumbang secara produktif ke arah pembangunan sosioekonomi negara berdasarkan keupayaan mereka. Ekosistem termasuk perumahan, persekitaran kerja, penjagaan kesihatan dan perlindungan sosial adalah mesra usia untuk warga emas. Sokongan komuniti membolehkan penuaan yang produktif dan aktif. Di samping itu, pembelajaran sepanjang hayat melalui penglibatan warga emas dalam aktiviti serta pemerolehan pengetahuan dan kemahiran baharu, yang disokong oleh pendigitalan, teknologi dan inovasi, diberi keutamaan dan galakan.



## Pertumbuhan Ekonomi yang Inklusif

Malaysia menjadi sebuah negara yang benar-benar inklusif dan maju. Kewujudan rakyat Malaysia yang berkemahiran, digandingkan dengan industri HGHV tempatan, meletakkan Malaysia sebagai destinasi pelaburan utama dan hab global. Teknologi canggih yang diterima guna dan dibangunkan dalam negara meningkatkan produktiviti dan membolehkan industri tempatan beralih ke rantai nilai yang lebih tinggi. Bakat dalam kalangan rakyat Malaysia amat diiktiraf berdasarkan daya saing dan sumbangan mereka sangat dihargai. Manakala tenaga kerja menikmati gaji progresif dan taraf hidup yang wajar. Di samping itu, usahawan inovatif berkeupayaan tinggi untuk memperkenalkan produk dan perkhidmatan baharu, seterusnya mencipta kekayaan baharu untuk negara. Kesungguhan Kerajaan dalam menguruskan ekonomi melalui sistem percukaian yang lebih adil dan perbelanjaan yang cekap membolehkan penyediaan perkhidmatan yang lebih baik kepada rakyat.

### Negara Maju

Kita mampu mengekalkan daya saing dan pertumbuhan yang mampan dengan memanfaatkan kekuatan sebagai sebuah negara maju. Negara kita berada dalam situasi politik yang lebih stabil dan mempunyai kesalinghubungan yang sangat baik, dengan penerimgunaan teknologi termaju dan pendigitalan yang lebih meluas. Kita menikmati, antara lain, pembangunan wilayah yang seimbang, perlindungan sosial yang inklusif dan produktiviti firma yang lebih tinggi. Kita mampu menarik pelaburan berkualiti tinggi dan mempunyai bakat tersedia masa hadapan yang mencukupi. Amalan terbaik diterima pakai dalam sektor awam dan swasta, yang seterusnya mewujudkan persekitaran kerja yang kondusif, kepuasan kerja yang lebih tinggi, kemajuan kerjaya yang lebih adil dan keseimbangan antara pekerjaan dan kehidupan yang lebih baik.

### Taraf Hidup yang Wajar

Kita menjalani kehidupan yang lebih selesa berikutan limpahan manfaat ekonomi dinikmati secara saksama. Kita mempunyai kuasa beli yang kukuh apabila hidup dalam sebuah negara maju berikutan pendapatan yang lebih tinggi, pengurusan harga dan kadar tukaran yang cekap serta bekalan barangan keperluan dan perkhidmatan penting yang stabil. Rumah berkualiti mampu dimiliki oleh semua kumpulan pendapatan dan mampu bertahan terhadap ancaman bencana alam. Paling utama, rumah ini direka bentuk mengikut bilangan individu dalam isi rumah. Di samping itu, utiliti, infrastruktur dan kemudahan awam yang berkualiti tinggi, seperti rangkaian pengangkutan, institusi pendidikan, fasiliti penjagaan kesihatan dan kemudahan rekreasi, bukan sahaja disediakan secukupnya tetapi juga diselenggara dengan baik.

### Gaji Progresif

Kita menghargai pampasan yang adil, merangkumi lebih daripada upah. Pekerja dibayar gaji dengan sewajarnya mengikut kelayakan, pengalaman, kompleksiti kerja dan produktiviti masing-masing. Dengan diberi ganjaran yang adil, pekerja rasa dihargai dan bermotivasi, seterusnya meningkatkan produktiviti, kepuasan kerja dan kesetiaan. Kebebasan kewangan yang diperoleh daripada pendapatan boleh guna yang lebih tinggi memberikan keselamatan dan fleksibiliti kewangan yang lebih baik, seterusnya mencapai taraf hidup yang lebih tinggi.

### Industri High Growth High Value

Industri HGHV memacu pertumbuhan ekonomi Malaysia yang kukuh. Industri ini menghasilkan nilai yang tinggi dalam ekonomi dengan mendorong perniagaan ke arah aktiviti ekonomi yang canggih dengan memberi tumpuan kepada penghasilan produk dan perkhidmatan yang unik dan boleh diguna secara meluas. Di samping itu, industri HGHV menghasilkan produktiviti yang lebih tinggi, kemajuan teknologi yang pesat dan kepelbagaian ekonomi yang lebih luas. Kita membangunkan ekosistem yang kompetitif, seterusnya menarik pelaburan berkualiti lebih tinggi yang menggalakkan lebih banyak aktiviti penyelidikan, pembangunan, pengkomersialan dan inovasi (R&D&C&I) termaju. Peralihan pantas ke arah sumber tenaga boleh baharu dan mampan menjadikan Malaysia sebagai pusat tumpuan di rantau ini dan membolehkan kita memanfaatkan peluang yang berteraskan prinsip ekonomi, sosial dan tadbir urus (ESG). Manfaat industri HGHV melangkaui pertumbuhan ekonomi memandangkan industri ini mewujudkan peluang pekerjaan yang menawarkan gaji yang tinggi, seterusnya meningkatkan kesejahteraan rakyat.

## Usahawan Inovatif

Usahawan yang berproduktiviti tinggi dan celik digital beroperasi dalam persekitaran perniagaan yang kukuh dan bersepadu secara langsung dalam pasaran global. Negara kita menjadi pusat teknologi tempatan yang canggih, manfaat daripada peningkatan pengkomersialan hasil penyelidikan dan pembangunan (R&D) serta aktiviti inovasi. Pendidikan keusahawanan dan perniagaan yang terkini serta pembelajaran sepanjang hayat membolehkan usahawan memperkenalkan produk, perkhidmatan dan amalan perniagaan baharu ke pasaran. Ekosistem yang menyokong dapat memupuk usahawan untuk mengetengahkan idea dan penyelesaian yang berinovatif demi kebaikan negara.

## Kemampuan Fiskal

Ekonomi kita mempunyai asas hasil yang luas, menggambarkan ekonomi yang lebih pelbagai. Sistem percukaian yang lebih adil untuk individu dan perniagaan menggalakkan pematuhan yang tinggi. Pada masa yang sama, perbelanjaan yang cekap dan berhemat memastikan hutang awam lebih rendah dan rizab lebih tinggi. Kerajaan melaksanakan dasar fiskal secara cekap sebagai instrumen pembangunan sosioekonomi, antara lain untuk menggalakkan industri yang mempunyai potensi pertumbuhan yang tinggi, menyediakan infrastruktur fizikal dan bukan fizikal yang mencukupi dan melaksanakan program kebajikan sosial yang berkesan. Dengan kedudukan fiskal yang kukuh, Kerajaan mampu menangani kejutan dan turun naik ekonomi.



## Bumi yang Lebih Sihat

Kita memahami kepentingan peranan masing-masing dalam melindungi dan memelihara kesihatan bumi bagi menangani kesan perubahan iklim. Kita menyedari perubahan iklim memberi ancaman yang besar. Oleh itu, usaha bersepadu untuk mengurangkan kesan perubahan iklim dilaksanakan bagi memastikan kita semua dilindungi. Amalan mampan dan pelaksanaan ekonomi kitaran yang menyeluruh sehati dalam kehidupan seharian, seterusnya membolehkan kita memaksimumkan kecekapan penggunaan sumber dan meminimumkan sisa. Peralihan ke arah sumber tenaga boleh baharu dan mampan adalah lancar, ekonomik dan saksama yang dapat meminimumkan impak kepada alam sekitar dan rakyat.

### *Pembangunan Mesra Alam*

Kemajuan pembangunan sosioekonomi adalah seiring dengan pemuliharaan dan pemeliharaan alam sekitar. Kita bertanggungjawab ke atas impak alam sekitar kesan daripada pembangunan fizikal dengan mengambil inisiatif, termasuk menerima pakai amalan perakaunan karbon yang lebih meluas dan melaksanakan komitmen pengurangan pelepasan GHG yang lebih menyeluruh. Di samping itu, prinsip ESG diterapkan dalam pembangunan bagi memastikan manfaatnya melangkaui ganjaran kewangan. Selain itu, kita membuat pilihan yang mengutamakan alam sekitar dengan melaksanakan amalan mampan dalam kehidupan seharian, termasuk menggunakan bahan makanan organik dan produk boleh biodegradasi, peralatan jimat tenaga serta mengurus dan mengitar semula sisa.

### *Ekonomi Kitaran*

Organisasi dan perniagaan kita melaksanakan ekonomi kitaran secara aktif di sepanjang rantai nilai, daripada bahan mentah kepada tapak pelupusan sanitari. Pelaksanaan ini mengurangkan kebergantungan kepada sumber yang tidak boleh baharu serta melonjakkan inovasi dan produktiviti. Isi rumah kita menerima pakai ekonomi kitaran dengan melaksanakan pendekatan tolak, kurang, guna semula, kitar semula dan pulih (5R) dan menggunakan sumber dengan cekap. Di samping itu, kita juga lebih sensitif terhadap penggunaan tenaga dan memainkan peranan aktif sebagai pengguna dalam menyokong aspirasi negara untuk mencapai pelepasan GHG bersih sifar seawal tahun 2050.

### *Negara yang Lebih Bersih dan Hijau*

Sumber tenaga boleh baharu dan mampan menggerakkan ekonomi dan menyumbang kepada pengurangan GHG. Kawasan perindustrian kita melepaskan karbon pada kadar yang rendah dan mengurus sisa dengan berkesan. Kita bergerak di dalam dan di antara bandar dengan mengutamakan penggunaan pengangkutan awam yang mampan dan berdaya harap. Lebih ramai rakyat Malaysia menggunakan pengangkutan hijau, termasuk kenderaan tenaga baharu dan mobiliti mikro. Kawasan bandar dan luar bandar yang lebih bersih dan hijau adalah lebih berdaya huni kepada semua.

### *Pemuliharaan Ekosistem Semula Jadi*

Rakyat Malaysia komited dalam pemuliharaan ekosistem semula jadi dan mengambil berat terhadap kesihatan bumi. Pembangunan bandar dan luar bandar menerapkan penyelesaian berasaskan alam semula jadi, di samping melindungi habitat flora dan fauna. Usaha pemuliharaan biodiversiti kita menjadi rujukan kepada penyelidik di seluruh dunia. Pengurusan ekosistem pantai dan marin yang mampan menjadi inspirasi kepada negara tropika lain dalam usaha pemeliharaan ekologi mereka.



## Tadbir Urus yang Baik

Malaysia mengamalkan tadbir urus yang baik dengan mengutamakan akauntabiliti, integriti dan ketelusan serta menjunjung kedaulatan undang-undang. Dasar awam dirangka dan dilaksana berdasarkan keperluan sebenar rakyat dengan mengambil kira kompleksiti masyarakat dan kedinamikan sosial. Kita melahirkan pemimpin berwawasan, transformatif dan beramanah. Pemimpin ini mempunyai etika yang tinggi, berpegang kepada nilai insaniah dan ihsan serta mendukung Perlembagaan Persekutuan dan Rukun Negara.

### Kerajaan yang Terbuka dan Cekap

Kerajaan mengamalkan ketelusan dalam membuat keputusan penting yang memberi kesan kepada rakyat dan negara. Kita menghormati dan mendukung prinsip pengasingan kuasa antara tiga cabang kerajaan, iaitu eksekutif, perundangan dan kehakiman, dengan semangat demokrasi yang matang. Kerajaan terus memerangi rasuah, memperkasakan rakyat dan menerima guna teknologi termaju, seterusnya mewujudkan pentadbiran yang kejut dan cekap. Peraturan dan undang-undang sentiasa dikemas kini mengikut keperluan dan persekitaran yang berubah. Pendekatan keseluruhan negara diamalkan secara meluas dalam menggalakkan Kerajaan yang inklusif dan terbuka. Penjawat awam adalah kompeten, profesional dan bersemangat untuk berkhidmat kepada negara. Mereka terus diberi peluang untuk meningkatkan kemahiran dan pengetahuan serta mendapat pendedahan dari dalam dan luar negara bagi memacu tadbir urus yang baik.

### Dasar Berpaksikan Insan

Penglibatan komuniti setempat secara aktif di sepanjang kitaran dasar dapat memastikan keberkesanan pelaksanaannya. Pendekatan ini dapat memastikan kompleksiti masyarakat dan keperluan sosial yang dinamik diambil kira supaya tiada sesiapa yang tertinggal. Penggubal dasar pada peringkat Persekutuan, negeri dan tempatan menerima pakai pendekatan antropologi sosial untuk memahami kumpulan sasaran mereka dengan lebih baik. Pendekatan *behavioural insights* berserta pendigitalan dan teknologi termaju diamalkan dan dilaksanakan secara meluas bagi memastikan program dan projek diterima dengan baik. Pelaksanaan program dan projek ini dipantau dan ditambah baik dengan sewajarnya.

### Pemimpin Transformatif

Pemimpin negara adalah berwawasan, transformatif dan beramanah. Mereka berpandangan jauh dan mampu menyampaikan idea dengan baik. Pemimpin berani membuat keputusan yang penting dan sukar demi kebaikan rakyat dan negara. Dalam mencapai matlamat bersama, pemimpin ini memberi inspirasi dan motivasi serta menekankan kepentingan mendukung nilai dan akhlak yang mulia. Mereka menghargai kepelbagaian dan keadilan dengan menghormati dan memenuhi kehendak rakyat yang berbeza tanpa mengabaikan nilai teras yang termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan dan Rukun Negara.



## Kesimpulan

Aspirasi untuk mewujudkan masyarakat yang mampan dan progresif mewakili suara rakyat Malaysia daripada pelbagai lapisan masyarakat. Aspirasi ini tidak hanya menumpukan kepada transformasi ekonomi, tetapi juga memberi penekanan kepada peluang dan outcome yang saksama untuk semua. Ia juga merangkumi komitmen kita ke arah melindungi kesihatan bumi. Tadbir urus yang baik dan kepimpinan transformatif adalah penting ke arah merealisasikan aspirasi untuk bersama-sama membangunkan Malaysia yang lebih baik. Harapan rakyat akan menjadi titik permulaan dalam merancang pelan pembangunan sosioekonomi jangka sederhana dan panjang bagi negara kita menuju pasca 2025.



Muka surat ini dibiarkan kosong

The background consists of several overlapping, wavy bands of color in various shades of blue and teal, creating a sense of movement and depth. The colors range from light, airy blues to deeper, more saturated teals and blues.

Lampiran